

70 peratus kebakaran hutan Gelang Patah dipadamkan

Oleh SHARKAWI LONDING

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) negeri memadamkan kira-kira 70 peratus kebakaran hutan di Jalan Tanjung Adang, Kampung Pekajang, Gelang Patah yang masuk hari ketujuh semalam.

Komander Operasi yang juga Ketua Zon I JBPM Johor, Mohd. Faizul Selamat berkata, kawasan yang sudah dipadam itu membabitkan keluasan 11.2 hektar.

Hutan terbakar merebak seluas 242 padang bola

70 peratus kebakaran hutan di Jalan Tanjung Adang, Kampung Pekajang, Gelang Patah yang masuk hari ketujuh semalam. (Dua orang anggota JPBM sedang memadamkan kebakaran hutan di Jalan Tanjung Adang, Kampung Pekajang, Gelang Patah, Johor semalam.)



KERATAN Kosmo! semalam.

"Keadaan dilaporkan terkawal dan kebakaran bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Adang sudah dipadamkan.

"Parit atau *fire breaker* sepanjang 3 kilometer menggilingi kawasan hutan dibina dan diisi dengan air bagi mengelak api merebak," katanya ketika si-

dang akhbar semalam.

Dalam kejadian pada Rabu lalu, kawasan hutan bertanah gambut di Kampung Pekajang dan Kampung Tanjung Adang terbakar membabitkan kawasan seluas 16.18 hektar.

Beliau berkata, setakat ini tiada keperluan untuk penduduk di sekitar kawasan itu

berpindah.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon berkata, dua buah sekolah yang terletak berhampiran kebakaran hutan itu dinasihatkan terus ditutup sehingga keadaan pulih.

Sebelum ini, Sekolah Kebangsaan Tanjung Adang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Adang diarah tutup selama dua hari sehingga semalam.



ANGGOTA bomba memadamkan kebakaran tanah gambut yang masuk hari ketujuh di Gelang Patah, Johor semalam.